

02 AUG 2002

Mustapa-Keganasan

MALAYSIA PERLU ADA UNDANG-UNDANG SEKAT KEGANASAN EKONOMI

KOTA BAHARU, 2 Ogos (Bernama) -- Malaysia perlu ada peraturan dan undang-undang tersendiri untuk mencegah keganasan ekonomi, kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamad.

Beliau berkata walaupun Malaysia terpaksa bersaing untuk pelaburan dan pelancongan, tetapi harus ada tatasusila dan timbang rasa.

"Kita harus ada batas-batasnya, beretika, tindakan-tindakan yang di luar peraturan yang tidak praktikal atau merugikan negara," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Kembara Merdeka di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam akhbar hari ini yang antara lain berkata keganasan ekonomi, seperti juga ancaman serangan penganas, perlu ditangani bagi mengelak negara membangun dijajah semula.

"Malaysia sendiri sudah menjadi mangsa kepada tindakan keganasan ekonomi itu apabila sebuah negara kaya, merebut satu pelaburan besar yang sepatutnya datang ke negara ini, dengan menawarkan AS200 juta (RM760 juta) kepada syarikat berkenaan," kata Dr Mahathir ketika berucap merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi, semalam.

Sehubungan itu Mustapa berkata Malaysia berharap kegiatan itu dapat dibendung segera.

"Kalau keadaan itu begitu sengit ia boleh merugikan semua negara termasuk Malaysia", katanya.

"Nak maju, nak mara ke hadapan, kita bersama-sama maju, bukan orang lain naik kita jatuh dan bukan memijak kepala orang," katanya.

Mustapa berkata Malaysia mahu bersama mengecapi kemakmuran dan kemajuan, kerana ini menjadi perjuangan kita.

--BERNAMA

WM ZB